

Meritokrasi diamal, bantuan dihulur

Shanmugam perjas cara golongan kurang bernasib baik dibantu melalui pelbagai saluran

► SHAMSUL JANGARODIN
shamj@sph.com.sg

SISTEM meritokrasi akan terus diamalkan di Singapura, namun pada masa yang sama, Pemerintah memberi jaminan pihaknya akan menghulurkan bantuan semana mampu kepada mereka yang kurang bernasib baik, kata Menteri Ehwat Luar merangkap Undang-Undang, Encik K. Shanmugam.

Katanya bantuan tersebut akan dilakukan menerusi pelbagai cara, antaranya menawarkan khidmat penjagaan kanak-kanak dan tadika yang bermutu tinggi dan memastikan terdapat kemudahan yang terbaik di semua sekolah.

Beliau berkata demikian semasa menjawab soalan seorang mahasiswa dalam satu sesi dialog yang diadakan bersama 60 mahasiswa undang-undang di Fakulti Undang-Undang, Universiti Nasional Singapura (NUS) di kampus Bukit Timah semalam.

Mahasiswa berkenaan bertanya tentang peranan meritokrasi sebagai cara terbaik untuk memajukan masyarakat Singapura di masa akan datang.

"Apakah yang akan anda guna untuk gantikan meritokrasi? Sistem apakah yang akan anda gunakan di Sekolah Undang-Undang? Sama ada kemasukan ke sekolah menengah atau universiti, andainya terdapat le-



MEMBERI PENJELASAN: Encik Shanmugam (*kanan*) menjelaskan tentang beberapa isu yang ditimbulkan, termasuk mengenai hal-hal pemerintahan serta isu-isu perundangan Singapura kepada sekitar 60 mahasiswa undang-undang. Bersamanya ialah Dekan Fakulti Undang-Undang NUS, Profesor Simon Chesterman. – Foto THE STRAITS TIMES

bih permohonan berbanding tempat kosong, bagaimana anda pilih peserta?

"Isu sebenar di sini bukan tentang meritokrasi tetapi keadilan dalam masyarakat," kata Encik Shanmugam.

Memberikan contoh sebuah keluarga berpendapatan pertengahan yang mampu menyediakan lebih banyak

sumber kepada anak-anak mereka untuk berjaya dalam pendidikan, Encik Shanmugam menambah:

"Jadi Pemerintah perlu membantu mereka yang tidak mampu berbuat demikian."

Namun begitu, Encik Shanmugam menekankan usaha yang dilakukan Pemerintah tidak akan dapat meng-

gantikan seratus peratus apa yang dilakukan ibu bapa.

Sesi dialog anjuran NUS itu yang kedua diadakan dan yang pertama dibuka kepada mahasiswa undang-undang dari Universiti Pengurusan Singapura (SMU).

Selain isu meritokrasi, isu-isu mengenai pemerintahan, seperti kebebasan bersuara, juga ditimbulkan.

Menjawab soalan seorang mahasiswa yang menanyakan sama ada sekatan pada kebebasan bersuara di Singapura mengekang kreativiti, Encik Shanmugam menjelaskan sesiapa sahaja boleh membuat kritikan pada hal-hal dasar atau cara pemerintahan. Namun, beliau menggariskan sempadannya pada serangan peribadi.

"Jika anda kata saya mengambil rasuah, saya boleh saman anda dan anda perlu buktikan tuduhan anda itu di mahkamah. Tetapi jika anda kata saya bodoh, saya tidak boleh berbuat apa-apa," kata Encik Shanmugam, sambil menekankan saman malu dibuat bagi menegakkan kewibawaan.

Meskipun akur terdapat segelintir rakyat Singapura akan selalu mengkritik dan bersikap sinis terdapat Pemerintah dan dasar-dasarnya, beliau secara purata merasakan sekitar 60 peratus rakyat Singapura masih percayakan Pemerintah.

Menjawab satu pertanyaan tentang sama ada langkah pemerintah menyamak hukuman mati baru-baru ini satu isyarat bahawa pendekatan yang diambil kini lebih bersifat keputusan budi bicara berbanding mandatori, Encik Shanmugam berkata langkah itu tidak menandakan apa-apa haluan baru dan "sekadar apa yang terbaik untuk masyarakat".

"Ya terdapat perubahan dari segi hukuman mati dilaksanakan. Apa yang mungkin akan timbul (dari perubahan ini) ialah lebih sedikit pesalah akan dihukum mati," kata Encik Shanmugam.